

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEGARA

30/06/2025
SPINE CLINIC
KLINIK ORTHOPAEDIK HSGB
PEGAUAI PERUBATAN : 3
PAKAR PERUBATAN : 1

JUMLAH PESAKIT : 300

NOTIS tular jumlah pesakit yang
ramai di Hospital Sungai Buloh.

KKM akui 'beban' tinggi di Hospital Sg Buloh

PETALING JAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) tampil memberikan penjelasan susulan penerbitan gambar dan aduan orang awam berkenaan kesesakan di Klinik Pakar Ortopedik, Hospital Sungai Buloh pada 30 Jun lalu.

Dalam kenyataan dikeluarkan hari ini, KKM memaklumkan bahawa seramai 158 pesakit telah hadir ke klinik berkenaan pada hari tersebut dan dikendalikan oleh tiga orang pakar serta tiga pegawai perubatan yang bertugas mengikut jadual serta kapasiti sedia ada.

Menurut KKM, angka yang tular melebihi 300 orang dipercayai turut merangkumi ahli keluarga dan penjaga pesakit.

"Ini adalah amalan biasa di fasiliti kesihatan awam, khususnya bagi warga emas dan kanak-kanak. Kami memahami kesulitan yang dihadapi pesakit dan keluarga, terutama berkaitan masa menunggu.

"KKM sedar beban kes di hospital rujukan seperti Hospital Sungai Buloh adalah tinggi dan usaha penambahbaikan sedang dijalankan secara berterusan untuk memperbaiki aliran pesakit," jelas KKM.

Terdahulu, tular di media sosial mengenai keluhan beberapa orang awam di klinik tersebut yang terpaksa menunggu beberapa jam-jam untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

2 NASIONAL
SINAR HARIAN • JUMAAT 4 JULAI 2025TELUS & TULUS
Sinar
Harian

TELUS & TULUS • MATA DAN TELUNGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Isu kesihatan awam perlu dilihat secara holistik

Penggunaan PrEP perlu diperkemas dari sudut perundangan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA LUMPUR



MUHAMMED

Pendekatan pengurangan kemudaratan dalam isu kesihatan awam perlu dilihat secara holistik dan selari dengan prinsip syariah Islam.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Ahmad Fauwaz Fadzil berkata, ia selari dengan maqasid keamanan di samping Maqasid al-Shariah, terutamanya prinsip hifz al-nafs (memelihara nyawa) dan raf' al-haraj (meringankan kesusahan).

"Dalam Islam, memelihara nyawa bukan sekadar keutamaan, ia adalah perintah ALLAH. Usaha yang mencegah kemudaratan dan memulihkan maruah individu harus dilihat sebagai satu bentuk rahmah dan amanah kolektif," katanya.

Beliau berkata demikian dalam pembentangnya ketika Persidangan Meja Bulat mengenai Pendekatan Pengurangan Kemudaratan di ibu negara pada Selasa.

Turut hadir adalah Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni.

Ahmad Fauwaz berkata, dalam Islam tidak ada sesuatu perkara yang boleh dihukum halal atau haram secara mutlak tanpa melihat konteks dan kesan penggunaannya.

Dalam pada itu, Ahmad Fauwaz berkata, prinsip sama boleh diguna pakai dalam isu rawatan pencegahan seperti pemberian *Pre-Exposure Prophylaxis* (PrEP) yang bertujuan mencegah jangkitan HIV termasuk kepada pasangan atau individu tidak bersalah.

"PrEP bukan isu mutlak kerana kita perlu lihat kepada niat dan kesannya. Jika ia digunakan untuk melindungi orang lain



Lukanisman (duduk, dua kiri) bersama panel dan tetamu bergambar selepas Persidangan Meja Bulat mengenai Pendekatan Pengurangan Kemudaratan di ibu negara pada Selasa.

daripada jangkitan, ia boleh membawa manfaat, tetapi kawalan dan pendekatan kepada masyarakat perlu teliti dan berhati-hati.

"Penggunaan PrEP perlu diperkemas dari sudut perundangan dan pelaksanaan supaya tidak disalahguna atau disalah tafsir kerana kita mesti menjaga agama dan reputasi negara," tegas beliau.

Malaysia kehilangan RM64.2 bilion setahun

Sementara itu, Fellow Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Muhammed Abdul Khalid berkata, strategi pendekatan dalam pencegahan dan pengurangan kemudaratan terhadap isu kesihatan awam perlu dilihat bukan hanya sebagai isu kesihatan semata-mata tetapi menerusi konteks ekonomi serta kewangan.

Muhammed berkata, Malaysia kehilangan RM64.2 bilion setahun bersamaan lebih kurang empat peratus daripada

ekonomi negara akibat penyakit yang boleh dicegah seperti diabetes, penyakit jantung dan HIV bukan hanya dari segi kos rawatan tetapi juga kehilangan produktiviti, kehadiran kerja dan kematian awal.

"Apabila kita melabur dalam pencegahan termasuk pengurangan kemudaratan, kita bukan sahaja menyelamatkan nyawa tetapi melindungi ekonomi negara untuk jangka panjang."

"Kita selalu dengar kenyataan mengatakan mencegah lebih baik daripada mengubati, tetapi kita tidak melaksanakannya secara menyeluruh," katanya.

Muhammed berkata, daripada jumlah RM64 bilion itu, hanya RM12 bilion melibatkan kos langsung untuk rawatan dan ubat-ubatan.

"Sebanyak RM52 bilion lagi adalah kerugian produktiviti akibat pesakit tidak bekerja atau bekerja dalam keadaan tidak berfungsi sepenuhnya," jelas beliau.

Dalam masa sama, beliau turut menegur tindakan kerajaan yang masih mengekalkan subsidi kepada pengeluar gula sedangkan negara sedang berdepan krisis kesihatan membabitkan obesiti dan diabetes.

Ujarnya, Malaysia antara negara yang memberi subsidi gula bukan sahaja kepada rakyat tetapi kepada pengeluar.

"Kita antara negara yang paling gemuk di Asia, tapi kerajaan terus beri subsidi kepada punca penyakit. Contohnya negara Thailand dan

Finland berjaya melaksanakan dasar kawalan kandungan gula dan garam dalam makanan bagi menurunkan kadar penyakit tidak berjangkit atau *non-communicable diseases* (NCD) secara berkesan," katanya.

Beliau berkata, kajian menunjukkan pulangan pelaburan yang besar sekiranya pencegahan menyeluruh dilakukan, contohnya RM1 yang dilaburkan untuk pengurangan pengambilan garam dapat memberi pulangan sebanyak RM60 dalam tempoh 15 tahun.

Sementara itu, dari sudut keadilan sosial pula, Muhammed berkata, golongan B40 paling terkesan dengan beban kesihatan kerana ramai tidak menyedari mereka sebenarnya sudah menghidap penyakit.

Sehubungan itu, Muhammed mencadangkan kerajaan menyusun semula dasar kesihatan awam dengan mengambil kira logik ekonomi dalam pendekatan pengurangan mudarat dan pencegahan.

"Kalau kita serius mahu atasi NCD, kerajaan seharusnya tumpu pada faktor utama seperti mengurangkan perokok, dan pengambilan garam dan gula."

"Ini ialah pendekatan paling murah dan memberikan kesan besar kerana pencegahan bukan sekadar isu perubatan atau kesihatan awam, tetapi juga merupakan strategi ekonomi dan penting untuk pertumbuhan ekonomi dan fiskal kewangan yang baik dan adili," tambah beliau.

“PrEP bukan isu mutlak kerana kita perlu lihat kepada niat dan kesannya. Jika ia digunakan untuk melindungi orang lain daripada jangkitan, ia boleh membawa manfaat, tetapi kawalan dan pendekatan kepada masyarakat perlu teliti dan berhati-hati.”

- Ahmad Fauwaz



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

'Haramkan segera vape di seluruh negara'

Kuala Lumpur: Al-Sultan Abdul-lah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Bil-lah Shah, menggesa vape segera diharamkan di seluruh negara kerana terbukti ia sedar me-mudaratkan kesihatan, selain menjadi langkah awal golongan muda terjebak dadah.

Sultan Pahang bertitah ketika menzahirkan kebimbangan me-lihat budaya menghisap vape yang semakin menular dalam ka-langan remaja di negara ini.

Titah baginda, vape dan rokok elektronik sudah difatwakan ha-ram di Pahang dan kerajaan ne-geri ini sedang menunggu ke-lulusan akta bagi pelaksanaannya.

"Vape ini patut diharamkan

oleh semua, jangan berasa sim-pati kepada mereka yang terba-bit dalam hal ini kerana ini me-mudaratkan bangsa dan rakyat.

"Antara punca utama golo-ngan muda terjebak ketagihan dadah secara langsung dan tidak langsung bermula dengan peng-gunaan vape," titah baginda pada majlis menerima mengha-dap barisan kepimpinan Per-satuan Wartawan Wanita Mala-ysia (PERTAMA) di sini, kelma-rin.

Pada 11 Jun lalu, kerajaan Pa-hang bersetuju mengharumkan penggunaan rokok elektronik atau vape di negeri itu dan fatwa pengharaman dikeluarkan Peja-bat Mufti Pahang.



Al-Sultan Abdullah menerima menghadap barisan kepimpinan PERTAMA yang diketuai Presiden PERTAMA, Sarha Mohd Ali (dua dari kiri) di Kuala Lumpur, kelmarin.
(Foto Aswadi Alias/BH)

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATION

Bed bugs take a bite out of crime

Pests can hold DNA of potential suspects for weeks

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

GEORGE TOWN: They can be found everywhere – airport lounge sofas, bus seats, and even hotel and hostel beds.

But who would realise that bed bugs can play a role in forensic investigations.

Scientists discovered that the blood they consume has the DNA of people whom they fed on.

A Universiti Sains Malaysia (USM) team began studying the role of these blood suckers after collecting specimens at airport lounge sofas in 2014.

Their study was published in *Scientific Reports*.

USM researchers reported that *Cimex hemipterus* – a common tropical bed bug species – can retain human DNA in their guts for up to 45 days after feeding.

In a subsequent research paper published in *Forensic Science International* last August, the USM team outlined a practical field protocol for collecting and analysing tropical bed bugs as forensic evidence.

The work was led by entomologist Assoc Prof Dr Abdul Hafiz Ab Majid and his postdoctoral researcher Dr Lim Li from the School of Biological Sciences.

Together, they extracted DNA from bed bugs, which had been fed human blood under controlled conditions.

"Right after feeding, we could recover full genetic profiles using STR (short tandem repeat) and SNP (single nucleotide polymorphisms) methods.

"And even 45 days later, we were still able to retrieve partial profiles – enough, in some cases, to point to hair, skin and eye colour," Assoc Prof Hafiz said.

The STR technique is the same one used in standard DNA profiling used in forensic labs.

The research paper, *Human profiling from STR and SNP analysis of tropical bed bug, Cimex hemipterus, for forensic science*, marks the first documented forensic application involving this species.

Previous research had only focused on *Cimex lectularius*, the common bed bug more prevalent in temperate climates.

The discovery suggests that if bed bugs are found at a crime scene – a hotel room, a flat or a hideout – they may carry the genetic fingerprints of whoever was recently there.

"Bed bugs feed and then retreat into nearby crevices.

"Because they don't fly or travel



For science: Assoc Prof Hafiz volunteering himself to feed the bed bugs in his lab. (Inset) A close-up of bedbugs on human skin. – Photos courtesy of Household Structural Urban Entomology Lab, School of Biological Sciences, USM.

far, there's a good chance that whoever they fed on had been at that exact location," said Assoc Prof Hafiz.

This makes them useful in crime scenes when conventional biological evidence – bloodstains or fingerprints – has been removed or cleaned up.

He said even on day five, more than 70% of the targeted STR readings were still intact, and 39 out of 41 SNP markers were readable, more than enough for partial profiling.

He said though not yet admissible in court, this kind of DNA phenotyping could give investigators valuable leads when there are no other clues.

The findings, while promising, still have limitations.

The research used single-target

polymerase chain reaction tests – a slower, one-at-a-time method – rather than the commercial multiplex kits used in accredited crime labs.

Assoc Prof Hafiz said for bed bug DNA to be accepted in court, the protocols would need to be adapted and validated across different systems. There is also the issue of mixed DNA.

"Bugs can feed on more than one person, which can make it difficult to interpret the results," he said.

In field samples collected around Penang, the USM team often found more than two alleles – indicating the presence of more than one human profile.

Assoc Prof Hafiz said following these discoveries, which had taken over 10 years, his team was

ready to work with forensics experts on trial field applications to establish more detailed protocols.

Meanwhile, Penang Crime Consciousness and Public Safety Society chairman Datuk Mohamad Anil Shah Abdullah said the findings could offer a new avenue in complex investigations.

"Sometimes, there's no blood or fluids at the scene.

"Insects like flies and mosquitoes have been used before but bed bugs don't fly. That makes them useful," he said.

He recalled a 2008 case in Finland where police retrieved a suspect's DNA from a mosquito in a stolen car.

"If a mosquito can do that, why not a bed bug?" he said.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : LOKAL

BENDUNG PENULARAN HIV**PKPIM gesa had usia saringan diturunkan kepada 16 tahun**

Kuala Lumpur: Persatuan Kebajikan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) menggesa kerajaan menurunkan had usia saringan HIV daripada 18 tahun kepada 16 tahun bagi membolehkan langkah pencegahan dan rawatan bermula lebih awal.

Gesaan itu susulan laporan membimbangkan mengenai 222 pelajar institut pengajian tinggi (IPT) yang dikesan positif HIV tahun lalu.

Presidennya, Muhammad Dzul Aiman Zulkefly berkata, walaupun PKPIM mengalu-alukan usaha pemantauan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi

(KPT) dan Kementerian Kesihatan (KKM), usaha itu perlu diperkukuh dan disegerakan.

Menurutnya, punca utama peningkatan kes HIV dalam kalangan pelajar IPT ialah penularan melalui hubungan seksual tanpa perlindungan, dengan sebahagian besar membabitkan golongan lelaki muda.

“Walaupun ada suara menyatakan hubungan seks sesama lelaki (MSM) sebagai faktor penting, pelan pengurusan risiko KKM adalah berdasarkan cara penularan, bukan orientasi seksual.

“Ia bukan semata-mata

kerana LGBT atau seks bebas, tetapi lebih kepada kurangnya pendidikan seksualiti yang komprehensif dan stigma menyebabkan pelajar gagal memahami risiko,” katanya.

Menurutnya, faktor lain yang dikenal pasti termasuk perubahan corak jangkitan daripada penagihan dadah suntikan kepada seks tidak selamat, kejatuhan nilai moral akibat pengaruh media sosial dan kekurangan pengetahuan untuk mengakses saringan awal.

Katanya, berikutan itu PKPIM mengemukakan beberapa cadangan untuk menangani isu ini secara menyeluruh.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 30
RUANGAN : EKONOMI

Sektor penjagaan kesihatan dijangka berkembang kukuh

PETALING JAYA: Sektor penjagaan kesihatan negara dijangka terus berkembang kukuh pada separuh kedua 2025, dipacu oleh lonjakan teknologi dan inovasi perubatan.

Bagaimanapun, peningkatan kos rawatan kesihatan yang tinggi kekal menjadi cabaran utama yang perlu ditangani segera, demikian menurut Laporan Tinjauan Pasaran Separuh Kedua 2025 MIDF Research.

Laporan penyelidikan itu menunjukkan, kemajuan dalam teknologi rawatan seperti ubat-ubatan terkini, penggunaan robotik dalam pembedahan serta aplikasi Kecerdasan Buatan (AI) bakal merubah landskap kesihatan global dan tempatan dalam tempoh terdekat.

Katanya, penggunaan robotik dalam prosedur pembedahan semakin meluas, dengan pasaran global dijangka berkembang kepada AS\$9 bilion tahun ini. Inovasi seperti sistem pem-

kecekan operasi hospital, penglibatan pesakit dan keberkesanan rawatan," katanya.

Namun begitu, laporan MIDF Research itu juga menunjukkan terdapat cabaran besar kepada sektor kesihatan iaitu inflasi perubatan, yang terus meningkat saban tahun dan memberikan tekanan kepada pesakit, penyedia perkhidmatan serta syarikat insurans.

Malaysia katanya dijangka mencatatkan kadar inflasi perubatan tertinggi dalam dekad ini, iaitu sebanyak 16.4 peratus pada 2025, lebih tinggi berbanding 12.3 peratus di peringkat serantau dan meningkat 0.4 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Katanya, antara punca utama peningkatan kos ini termasuk penggunaan perkhidmatan secara berlebihan, tuntutan insurans yang semakin tinggi, serta pertambahan populasi warga emas.

Situasi itu katanya diburuk-

kan lagi dengan ketegangan geopolitik, gangguan rantaian bekalan, kadar tukaran asing yang tidak menentu serta kenaikan tarif ke atas produk dan alat perubatan yang diimport.

"Sebagai langkah mengurangkan tekanan kos kepada pengguna, kerajaan telah melancarkan RESET Framework, iaitu satu pelan reformasi pembiayaan kesihatan untuk menjadikan perkhidmatan kesihatan lebih mampu milik dan mampan.

"Salah satu langkah penting dalam pelan ini ialah pelaksanaan sistem Diagnosis-Related Group (DRG) untuk rawatan kecil di hospital swasta, yang dijangka dapat meningkatkan ketelusan dan mengurangkan caj rawatan secara menyeluruh," katanya.

Malaysia juga katanya turut berada dalam kedudukan strategik untuk menarik pesakit antarabangsa, dengan kua-

tan dalam bidang pelancongan perubatan dan kualiti rawatan yang bertaraf global.

Dalam kalangan syarikat terkenal, IHH Healthcare dikenal pasti sebagai pilihan utama pelaburan memandangkan portfolio perniagaannya yang pelbagai di pelbagai negara membolehkannya mengimbangi kesan inflasi di pasaran tertentu.

IHH juga telah melancarkan pelan transformasi jangka panjang dengan tumpuan kepada kecekapan operasi, kecemerlangan klinikal dan penggunaan AI untuk memaksimumkan hasil kesihatan pesakit.

Secara keseluruhannya, MIDF Research mengekalkan saranan positif terhadap sektor penjagaan kesihatan, dengan jangkaan bahawa gabungan inovasi teknologi dan reformasi dasar kerajaan mampu membawa impak besar kepada sistem kesihatan negara dalam tempoh jangka sederhana dan panjang.

Perkembangan teknologi digital dan AI dalam sistem kesihatan juga diutamakan, dengan fokus kepada meningkatkan kecekapan operasi hospital...

bedahan miniatur, integrasi AI, serta pembedahan jarak jauh (telesurgery) katanya akan meningkatkan permintaan terhadap rawatan pakar dan hasil klinikal yang lebih baik.

"Perkembangan teknologi digital dan AI dalam sistem kesihatan juga diutamakan, dengan fokus kepada meningkatkan